

14 OCT 1999

MTEN-MALAYSIA

PEMULIHAN: MALAYSIA LEBIH BERJAYA DARIPADA NEGARA LAIN DI ASIA

KUALA LUMPUR, 14 Okt (Bernama) -- Malaysia bukan sahaja pulih dengan agak baiknya tetapi boleh dianggap lebih berjaya daripada sesiapa di Asia, mungkin dengan pengecualian Singapura dan Taiwan, dua ekonomi yang terlepas daripada krisis itu agak tidak terkejut.

Menyebut contoh, Clyde V. Prestowitz Jr, presiden Institut Strategi Ekonomi di Washington DC, berkata ramalan pertumbuhan Malaysia bagi tahun ini baru saja dinaikkan melebihi empat peratus dan pasaran saham telah meningkat 180 peratus sejak September 1998.

"Apa yang membezakan Malaysia adalah kelajuan yang lebih besar dan tahap usaha pembaharuannya dan kesihatan lebih baik struktur ekonomi asasnya," katanya di dalam satu rencana bertajuk "Pengajaran Daripada Malaysia" yang diterbitkan di dalam majalah Fortune keluaran Okt 99. Ia dikeluarkan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) di sini hari ini.

Katanya malahan sebelum krisis itu tercetus, Malaysia telah mengenali risiko buih dan telah mengambil langkah-langkah untuk mengehadkan pemberian pinjaman bank spekulatif.

Berikutan krisis itu, Malaysia, sambil mengelakkan Tabung Matawang Antarabangsa (IMF), bergerak dengan cepat bersendirian untuk menubuhkan dua institusi bagi melupuskan pinjaman lapuk dan memodali semula bank-bank untuk membolehkan mereka mulai memberi pinjaman semula.

Tidak seperti Thailand, Malaysia tidak perlu mengujudkan undang-undang dan prosedur kebangkrapan daripada permulaan, katanya.

Prestowitz Jr menegaskan bahawa Malaysia telahpun mempunyai undang-undang yang boleh dikuatkuasakan dengan baiknya.

"Tidak seperti Korea, kerajaan tidak terpaksa bergelut dengan kumpulan gergasi "chaebol" perindustrian dan kewangan yang menguasai ekonomi dan beroperasi sebagai entiti-entiti yang tidak boleh disentuh oleh undang-undang," tegas beliau.

Sungguhpun ia tidak melaksanakan dasar-dasar sasaran industri tertentu seperti bagi automobil dan keluli, Malaysia sentiasa terbuka kepada pelaburan asing dan justeru kerana itu persaingan antarabangsa pada tahap yang tinggi.

Prestowitz Jr juga memetik Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai berkata bahawa "kecatatan lebih besar langkah berjimat-cermat pimpinan AS-IMF sebagai menjawab krisis itu adalah kegagalan mereka mengenali bakal ancaman perpecahan sosial dan kekacauan ethnik akibat dasar-dasar seumpamanya."

Contoh Indonesia, di mana krisis kewangan akhirnya menyebabkan kekacauan sosial dan ketidakstabilan politik, mengesahkan kesangsian Mahathir terhadap dasar-dasar IMF, tambah beliau.

Apabila ia menjadi jelas bahawa jimat-cermat boleh merobek kesatuan sosial sesebuah negara, Malaysia menolak ramuan IMF dan beralih kepada dasar-dasar rangsangan fiskal dan kewangan tradisi bagi menyelamatkan nadi ekonomi, katanya.

-- BERNAMA

AA LPS OS